

**FAKTOR KECENDERUNGAN REMAJA
PERGI KE MASJID DI DAERAH
KINTA NEGERI PERAK**

MUHAMMAD IMRAN BIN HAJI IBRAHIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**FAKTOR KECENDERUNGAN REMAJA
PERGI KE MASJID DI DAERAH
KINTA NEGERI PERAK**

oleh

MUHAMMAD IMRAN BIN HAJI IBRAHIM

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Julai 2022

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, pertama sekali dicurahkan segala pujian dan dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat dan tabi' tabiin. Segala puji bagi Allah SWT dengan izin-Nya jua pengkaji dapat menyiapkan tesis bertajuk "Faktor Kecenderungan Remaja Pergi Ke Masjid Di Daerah Kinta Negeri Perak" yang akhirnya dapat dikongsikan buat tatapan dan rujukan bersama.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga pengkaji tujukan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Nizam bin Sahad sebagai penyelia tesis di atas kesabaran juga ketekunan memberikan bimbingan, nasihat, tunjuk ajar serta motivasi berterusan. Seterusnya, penghargaan buat Ybhg Dato Hj Mohd Yusop bin Hj Husin Pengarah JAIPk, Tn Hj Saiful Azizi bin Abdul Manap Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid (JAIPk) bersama staf-staf bahagian, Ustaz Muhammad Hafizuddin bin Norizan Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) Ipoh, Ustaz Syarul Azhar bin Murad Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) Batu Gajah kerana telah memudahkan perjalanan pengkaji untuk menyempurnakan kajian ini. Akhirnya, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) di atas geran Geran Penyelidikan (304/PHUMANITI/650937/J133) dengan tajuk asalnya ialah Analisis Faktor Remaja Ke Masjid: Suatu Kajian Pengimaran Di Daerah Kinta (Ipoh & Batu Gajah) Perak Darul Ridzuan yang diberikan dan majikan pengkaji Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atas kebenaran untuk menambah pengetahuan ke peringkat yang lebih tinggi dan mengembangkan profesion seorang Pegawai Hal Ehwal Islam.

Di samping itu, pengkaji merakamkan jutaan terima kasih kepada Encik Muhammad Faris bin Rashid mantan imam muda Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) yang memberikan tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman dalam pengembaraan sarjana ini.

Tesis ini didedikasikan istimewa buat ayahanda tercinta Allahyarhamhu Haji Ibrahim bin Baharom moga Allah sentiasa merahmatinya dengan pahala kajian ini serta bonda tersayang Pn. Hajah Kamariah binti Mohamad Ali yang mengasuh, membesarkan dan mendidik pengkaji sehingga dewasa moga Allah membalas segala kepayahan itu dengan syurga. Buat isteri tersayang Pn. Hajah Fazira binti Abdul Wahab sentiasa disisi pengkaji di saat susah dan senang, juga telah banyak bersabar, sentiasa memahami, memberikan sokongan dan dorongan juga pembakar semangat yang tidak berbelah bagi. Buat anakanda Musa, Muaz Muayyad dan Muhammad Aufa, semoga kejayaan ini menjadi titik permulaan untuk kalian bersemangat menjadi insan yang terbaik, mencintai ilmu dan sentiasa mencapai kejayaan cemerlang di dunia dan akhirat.

Akhirnya, jutaan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga, rakan seperjuangan dan pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa kalian. Semoga tesis ini dapat memberi manfaat kepada ummah. Sekian, wassalam.

Muhammad Imran bin Haji Ibrahim
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI CARTA	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI KONSONAN	xv
SENARAI TRANSLITERASI	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
ABSTRAK	xviii
ABSTRACT	xx
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah.....	10
1.4 Objektif Kajian.....	22
1.5 Persoalan Kajian	22
1.6 Kepentingan Kajian	23
1.7 Skop dan Batasan Kajian	25
1.8 Definisi Operasi Tajuk Kajian	28
1.8.1 Faktor	28
1.8.2 Kecenderungan	29
1.8.3 Remaja	29
1.8.4 Pergi.....	30
1.8.5 Masjid	30

1.8.6	Daerah Kinta Perak	32
1.9	Ulasan Kajian Lepas	33
1.10	Kesimpulan	42
BAB 2 SOROTAN KAJIAN LITERATUR		43
2.1	Pendahuluan	43
2.2	Konsep Dan Peranan Remaja Dalam Islam	44
2.2.1	Takrif Remaja	44
2.2.2	Konsep Remaja dalam Islam	46
2.2.3	Karakter Serta Tugas Utama Golongan Muda.....	47
2.2.4	Remaja di dalam Al-Qur’ān.....	49
2.2.5	Remaja di dalam al-Hadith	51
2.3	Konsep Dan Peranan Masjid Dalam Islam	54
2.3.1	Takrif Masjid	54
2.3.2	Konsep Masjid	57
2.3.3	Peranan Masjid	62
2.4	Merealisasikan Pembangunan Masjid Mesra Remaja	66
2.5	Pelaksanaan Pengimarahannya Aktiviti Dan Program Remaja di Masjid.....	72
2.6	Kerangka Teori Kajian.....	78
2.7	Kerangka Kerja Konseptual	83
2.8	Dapatan Kajian Lepas	85
2.9	Kesimpulan	93
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		95
3.1	Pendahuluan	95
3.2	Reka Bentuk Kajian	96
3.2.1	Penyelidikan Kepustakaan.....	97
3.3	Populasi Dan Pensampelan Kajian	100
3.3.1	Populasi.....	100

3.3.2	Lokasi Kajian	100
3.3.3	Persampelan	104
3.4	Instrumen Kajian	108
3.5	Soalan Soal Selidik	109
3.6	Soalan Temu Bual	111
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	111
3.7.1	Kesahan Kandungan	112
3.7.2	Kesahan Muka	112
3.7.3	Kesahan Dalaman	113
3.8	Ujian Rintis	115
3.9	Ujian Kebolehpercayaan Instrumen	116
3.10	Analisis Indeks Kepentingan Relatif	118
3.11	Pengumpulan Data	119
3.12	Penganalisaan Data	121
3.12.1	Analisis Faktor-Faktor Kecenderungan Remaja Tidak Pergi Ke Masjid	121
3.13	Prosedur Pelaksanaan Kajian	123
3.14	Kesimpulan	124
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		125
4.1	Pendahuluan	125
4.2	Demografi Responden/ Profil Demografi	126
4.2.1	Gender	126
4.2.2	Kumpulan Umur	128
4.2.3	Tahap Pendidikan	129
4.2.4	Jenis Pekerjaan	131
4.3	Keputusan Analisis Faktor Kecenderungan Remaja Pergi Ke Masjid Di Daerah Kinta Perak	131
4.3.1	Faktor Keturunan dan Keluarga	133

4.3.1(a)	Dapatan Temubual Faktor Utama Remaja Ke Masjid: Ibu bapa atau Rakan-Rakan.....	143
4.3.1(b)	Dapatan Faktor Lain Remaja Minat Ke Masjid.....	148
4.3.2	Faktor Keceriaan dan Kemudahan Asas Masjid.....	152
4.3.2(a)	Dapatan Temubual Faktor Luaran yang Mempengaruhi Remaja Pergi Ke Masjid.....	156
4.3.2(b)	Dapatan Temubual Faktor Dalam yang Mempengaruhi Remaja Pergi Ke Masjid.....	159
4.3.3	Faktor Penghayatan Amalan Solat.....	162
4.3.3(a)	Kekerapan Remaja Ke Masjid Dalam Sehari/Seminggu/Sebulan dan Waktu yang Paling Suka Datang.....	166
4.3.3(b)	Remaja yang Ke Masjid.....	173
4.3.4	Faktor Laman Rangkaian Sosial Di Masjid Dan Potensi Remaja	177
4.3.4(a)	Masjid Perlu Kepada Jaringan Internet.....	177
4.3.4(b)	Dapatan Temubual Masjid Wujudkan WI-FI.....	182
4.3.5	Faktor Kecenderungan Remaja Tidak Pergi Ke Masjid	182
4.3.5(a)	Kajian Faktor Kecenderungan Remaja Tidak Ke Masjid	183
4.3.5(b)	Faktor-Faktor Remaja Tidak Mahu Datang Ke Masjid	188
4.3.6	Cadangan-Cadangan dan Penambahbaikan Untuk Remaja Datang Masjid.....	194
4.3.6(a)	Menganjurkan Program yang Lebih Dekat Dengan Remaja.....	196
4.3.6(b)	Tidak Menyisihkan Golongan Remaja	201
4.3.6(c)	Mewujudkan Jawatan Kepada Remaja Di Masjid.....	202
4.3.6(d)	Menjaga Kebersihan dan Kekemasan Masjid.....	203
4.3.7	Kesimpulan	204

BAB 5 KESIMPULAN	206
5.1	Pendahuluan.....206
5.2	Rumusan Hasil Kajian206
5.2.1	Faktor Keturunan dan Keluarga.....210
5.2.2	Faktor Keceriaan dan Kemudahan Asas Masjid.....211
5.2.3	Faktor Penghayatan Amalan Solat.....212
5.2.4	Faktor Rangkaian Laman Sosial Di Masjid Dan Potensi Remaja214
5.2.5	Faktor Kecenderungan Remaja Tidak Ke Masjid.....214
5.3	Implikasi Kajian.....217
5.3.1	Implikasi Terhadap Agensi Agama dari Pihak Kerajaan dan Bukan Kerajaan.....218
5.3.2	Implikasi Terhadap Pegawai dan AJK Masjid219
5.3.3	Implikasi Terhadap Guru Takmir, Guru Dakwah dan Guru KAFA.....220
5.4	Sumbangan Kajian221
5.5	Cadangan dan Saranan222
5.5.1	Cadangan kepada Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Perak dan Kementerian Belia Sukan Malaysia (KBS).....223
5.5.2	Cadangan kepada Majlis Agama Islam Dan ‘Adat Melayu Perak(MAIPk), Jabatan Agama Islam Perak(JAIPk) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).....224
5.5.3	Cadangan kepada Guru Takmir dan Guru KAFA226
5.5.4	Cadangan kepada Ibu Bapa.....226
5.5.5	Cadangan kepada Media Massa.....228
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan.....228
5.7	Penutup230
RUJUKAN.....	233
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Contoh Kes Masjid Kurang Mesra Remaja 15
Jadual 1.2	Objektif dan Persoalan Kajian23
Jadual 2.1	Jadual Perkataan yang Membawa Maksud Remaja di dalam Al-Qur’ān50
Jadual 2.2	Jadual Perkataan yang Membawa Maksud Remaja di dalam Al-Hadith51
Jadual 2.3	Contoh Masjid Mesra Remaja.....70
Jadual 2.4	Aktiviti dan Program Masjid yang Paling Menarik Minat Remaja. Daerah Kinta Perak75
Jadual 2.5	Kenyataan Pimpinan Negeri76
Jadual 3.1	Jumlah Penduduk Mengikut Daerah Negeri Perak Tahun 2019.....101
Jadual 3.2	Masjid Daerah Ipoh Yang Terlibat Dalam Kajian103
Jadual 3.3	Masjid Daerah Batu Gajah Yang Terlibat Dalam Kajian103
Jadual 3.4	Instrumen Soal Selidik110
Jadual 3.5	Senarai Panel Pakar.....113
Jadual 3.6	Nilai Pekali Kebolehpercayaan.....118
Jadual 4.1	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Menggunakan <i>Cronbach’s Alpha</i>132
Jadual 4.2	Faktor Keturunan dan Keluarga.....133
Jadual 4.3	Pendorong Utama Remaja untuk Datang Ke Masjid.....143
Jadual 4.4	Faktor Remaja Minat Ke Masjid.....148
Jadual 4.5	Faktor Keceriaan dan Kemudahan Asas Masjid152
Jadual 4.6	Faktor Responden Suka ke Masjid157
Jadual 4.7	Faktor Penghayatan Solat163
Jadual 4.8	Kekerapan Remaja ke Masjid166

Jadual 4.9	Remaja Suka Solat Subuh Di Masjid.....	174
Jadual 4.10	Laman Rangkaian Sosial Di Masjid Dan Potensi Remaja.....	177
Jadual 4.11	Ujian KMO dan Ujian <i>Bartlett's</i> Faktor Remaja Tidak Ke Masjid	183
Jadual 4.12	Nilai Komuniti	184
Jadual 4.13	5 Faktor Dalam Komponen Utama	186
Jadual 4.14	Ringkasan Analisis Faktor bagi Faktor Remaja Tidak ke Masjid	188
Jadual 4.15	Faktor Remaja Tidak Mahu Datang Ke Masjid	189
Jadual 4.16	Cadangan Dan Penambahbaikan Untuk Remaja Datang Masjid	195

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Perkembangan Anak-Anak Dari Sudut Psikologi.....48
Rajah 2.2	Konsep Utama Masjid dalam Islam61
Rajah 2.3	Ringkasan Fungsi dan Peranan Masjid Bermula Zaman Rasulullah SAW Sehingga Zaman Kontemporari.64
Rajah 2.4	Kerangka Teoritikal (Ahmad ‘Umar Hāshim).....78
Rajah 2.5	Kerangka Konseptual Kajian84
Rajah 3.1	Ringkasan Metodologi dan Kerangka Reka Bentuk Kajian99
Rajah 3.2	Kaedah Persampelan Kajian yang Digunakan dalam Kajian Ini108
Rajah 4.1	Faktor Kecenderungan Remaja Ke Masjid133
Rajah 4.2	Infografik Statisk Data Penggunaan Media Sosial Mengikut Kategori dan Jantina Oleh Digital 2019 Global Digital Overview (January 2019) v01179
Rajah 4.3	Putaran Komponen Matriks (<i>Rotated Component Matrix</i>).....186

SENARAI CARTA

	Halaman
Carta 4.1	Carta Pie Menunjukkan Kumpulan Jantina Responden..... 127
Carta 4.2	Carta Bar Menunjukkan Kumpulan Umur Responden 129
Carta 4.3	Carta Bar Menunjukkan Tahap Pendidikan Responden 130
Carta 4.4	Carta Bar Menunjukkan Jenis Pekerjaan 131

SENARAI SINGKATAN

A.S	<i>'alaihissalām</i>
Bil	Bilangan
BPM	Bahagian Pengurusan Masjid
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat
DBP	Dewan Bahasa Pustaka
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
Ed.	Editor
et al.	Dan pengarang-pengarang lain
GPI	Guru Pendidikan Islam
JAIPk	Jabatan Agama Islam Perak
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JEPeM	Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia
Jld.	Jilid
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KAFA	Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain
KOA	Kampung Orang Asli
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MAIPk	Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak
MBI	Majlis Bandaraya Ipoh
OBJ	Orang Besar Jajahan
OKU	Orang kurang upaya
PAID	Pejabat Agama Islam Daerah
PPMD	Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah
PDRM	Polis Diraja Malaysia

PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
Pnyt.	Penyunting
Prof.	Profesor
R.A	<i>Radiallāhu 'anhu</i>
SAW	<i>Ṣallallāhu 'alaihi wa sallam</i>
SDJ	Surau Diri Jumaat
SISMIM	Sistema Maklumat Imam Dan Masjid
SMAN	Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
SWT	<i>Subḥānahu wata'āla</i>
t.p	Tiada penerbit
t.t	Tiada tarikh
Terj.	Terjemahan
UM	Universiti Malaya
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia
Wi-Fi	Piawai untuk rangkaian kawasan setempat tanpa wayar

SENARAI KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا\ء	a/'	ض	ḍ
ب	b	ط	ṭ
ت	t	ظ	ẓ
ث	th	ع	‘
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w
ش	sy	هـ	h
ص	ṣ	ي	y

SENARAI TRANSLITERASI

Bil	Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
1	اى	ā	الْكُبْرَى \ الْبَابُ	al-bāb/al-kubrā
2	اي	ī	الْحَمِيسُ \ الرَّحِيمُ	al-Raḥīm/al-khamīs
3	و	ū	الْمُسْلِمُونَ	al-muslimūn
Vokal Pendek				
1	َ (Fathah)	ā	قَنَاتَ	qanata
2	ِ (Kasrah)	ī	تِهَامَةَ	tihāmah
3	ُ (Dammah)	ū	جُعِيلَ	ju‘ila
Diftong				
1	وَ	au/aw	الْحَوْلُ	al-ḥawl/āl-ḥawl
2	يَ	ai/ay	حَيْثُمَا	ḥaithumā/ ḥaythumā
Huruf Berulang				
1	يَ	ayy	حَيَّ	ḥayya
2	يَ	iy/ī	الْعَرَبِيَّ	al-‘arabiy/al-‘arabi
3	وَ	aww	قَوَّامُونَ	qawwāmūn
4	وَ	uww/ū	الْعَدُوَّ	al-‘aduww/al-‘adū
Khusus Untuk Perkataan Al-Qur’ān				
1	آن \ آء	’ān / ’ān	الْقُرْآن \ القرءان	al-Qur’ān

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Soal Selidik
Lampiran B	Set Soalan Temu Bual
Lampiran C	Borang Pengesahan Kandungan Instrumen oleh Pakar Profesional
Lampiran D	Surat Kelulusan Jabatan Agama Islam Perak, Jaipk
Lampiran E	Surat Kelulusan Bahagian Pengurusan Masjid (BPM), JAIPK
Lampiran F	Surat Kelulusan Unit Pengimaran, Bahagian Pengurusan Masjid JAIPK
Lampiran G	Borang Keizinan Bersama Peserta dan Ibu Bapa/ Penjaga
Lampiran H	Demografi Responden Temu Bual
Lampiran I	Transkripsi Temu Bual

FAKTOR KECENDERUNGAN REMAJA PERGI KE MASJID DI DAERAH KINTA NEGERI PERAK

ABSTRAK

Dewasa ini terdapat cabaran besar untuk menarik remaja pergi ke masjid kerana persepsi terhadap masjid berubah mengikut perkembangan zaman. Namun begitu, terdapat sekumpulan remaja hadir ke masjid untuk solat dan menyertai program aktiviti yang disediakan. Perkara ini menimbulkan persoalan apakah yang menyebabkan remaja tersebut suka pergi ke masjid. Hal ini menarik minat pengkaji untuk mengkaji apakah faktor-faktor kecenderungan remaja ke masjid supaya dijadikan asas kepada pelbagai program dan aktiviti masa hadapan bagi menarik minat remaja ke masjid. Justeru itu, kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan disokong oleh kaedah penyelidikan kualitatif. Data bagi kaedah kuantitatif diperoleh melalui edaran soal selidik kepada 452 orang remaja yang dipilih secara rawak terdiri dari kelompok yang selalu ke masjid dan pernah terlibat dengan program aktiviti masjid, Bahagian Pengurusan Masjid JAIPk dan MAIPk sendiri. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS (Statistic Package for the Social Science) Version 25 bagi mendapatkan skor min, peratusan, kekerapan, korelasi dan regresi berganda. Manakala data kualitatif diperoleh melalui temu bual separa berstruktur yang melibatkan 18 orang remaja di masjid bagi mendapatkan pandangan serta maklumat lanjut faktor dan tahap kecenderungan minat golongan muda ke masjid di samping mengukuhkan dapatan kajian. Hasil kajian utama mendapati faktor kecenderungan remaja pergi ke masjid dalam daerah Kinta Perak adalah disebabkan faktor ibu bapa

dan pendidikan yang bermula di rumah berada pada tahap tertinggi. Analisis korelasi di antara faktor keturunan dan keluarga, Keceriaan dan Kemudahan Asas Masjid, Penghayatan Amalan Solat dan Rangkaian Sosial Di Masjid Dan Potensi Remaja menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan faktor kecenderungan minat remaja ke masjid. Kesimpulannya, peranan keluarga adalah faktor terbesar dan perlu diperkasakan di samping fungsi dan pentadbiran masjid diperluaskan untuk mempengaruhi minat remaja pergi dan mengimarahkan masjid. Kajian ini dapat digunapakai oleh badan pembuat dasar dan badan pelaksana dalam merangka pelan strategik remaja masjid 5 tahun dan membina perancangan yang mampan. Akhirnya masjid sebagai pusat tarikan dengan pelbagai kegiatan dan program masyarakat terutama golongan remaja dapat diwujudkan secara efektif pada abad ke-21 ini. Masjid sebagai pusat hentian setempat atau “one-stop center” boleh berfungsi semaksimanya menyediakan keperluan utama golongan muda.

FACTORS INFLUENCING ADOLESCENTS TENDENCY TO GO TO THE MOSQUE IN KINTA DISTRICT, PERAK

ABSTRACT

Today there is a big challenge to attract teenagers to go to the mosque because the perception of the mosque changes with the development of the times. However, there is a group of teenagers who come to the mosque for prayers and participate in the activity program provided. This raises the question of what makes the teenager like to go to the mosque. This attracts the interest of researchers to study the factors of the tendency of adolescents to the mosque to be used as a basis for various programs and future activities to attract adolescents to the mosque. Therefore, this study uses quantitative research methods and is supported by qualitative research methods. Data for the quantitative method were obtained through the distribution of questionnaires to 452 randomly selected adolescents consisting of groups who regularly go to the mosque and have been involved with mosque activity programs, JAIPk Mosque Management Division and MAIPk itself. Study data were analyzed descriptively and inferentially using SPSS software (Statistical Package for the Social Science) Version 25 to obtain mean scores, percentages, frequency, correlation and multiple regression. While qualitative data was obtained through semi -structured interviews involving 18 adolescents in the mosque to obtain views and further information on the factors and levels of interest of young people to the mosque in addition to strengthening the findings of the study. The main results of the study found that the factors that influence the tendency of adolescents to go to the mosque in the District of Kinta Perak is due to the factors of

parents and education that starts at home is at the highest level. Correlation analysis between hereditary and family factors, Cheerfulness and Basic Facilities of the Mosque, Appreciation of Prayer Practices and Social Networks in the Mosque and the Potential of Adolescents shows that there is a significant relationship with factors influencing the tendency of adolescents to interest in the mosque. In conclusion, the role of the family is the biggest factor and needs to be strengthened in addition to the function and administration of the mosque expanded to influence the interest of teenagers to go and enliven the mosque. This study can be used by policy -making bodies and implementing bodies in formulating a strategic plan for 5 -year -old mosque youth and building sustainable planning. Finally, the mosque as a center of attraction with various activities and community programs, especially for teenagers can be created effectively in the 21st century. The mosque as a local stop center or "one-stop center" can function to the maximum to provide the main needs of young people.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Masjid merupakan satu binaan yang didirikan di atas muka bumi ini sebagai tempat sujud dan *ber'ubūdiyyah*¹ hamba kepada Tuhan yang Maha Pencipta. Masjid merupakan wasilah turunya rahmat Allah SWT di atas muka bumi ini dan tidak dinafikan lagi kepentingan pembinaannya semenjak dari bapa manusia yang pertama iaitu Nabi Adam A.S sehinggalah kepada rasul dan nabi terakhir Muhammad SAW. Seterusnya, legasi tersebut disambung pula oleh empat orang khalifah rasul, kemudian pemerintah-pemerintah dan masyarakat Islam dari dahulu hingga kini yang telah mementingkan kewujudannya di satu-satu lokasi penempatan.

Manakala remaja pula ialah waktu perantaraan dari keadaan kanak-kanak kepada keadaan dewasa, memiliki tubuh fizikal yang kuat dan minda yang bersih. Remaja mendapat tempat yang amat istimewa dalam agama Islam dan sangat berperanan dalam masyarakat Islam. Remaja juga mempunyai peranan besar sama ada pada fasa awal permulaan Islam di Mekah terutama pada fasa perkembangan dan kejayaan Islam di Madinah.² Remaja telah diajarkan tujuan hidup mereka semenjak

¹ *Al-'Allāmah al-Adīb* Jama'ain 'Abdul Murad Pengarang kitab Tafsir Juzuk 'Amma mentafsirkan kalimah (نعبد) pada ayat kelima surah *al-Fātihah* berasal daripada perkataan bahasa Arab bererti *ber'ubūdiyyah*. Meletakkan seluruh kehidupan manusia dalam menghambakan diri kepada Allah SWT (Tafsir Juzuk 'Amma - Bahasa Melayu), Cetakan *Matba'ah Bin Halabi Fatāni*.h.1-5).t.th

² عن عليّ ، قال : تقدّم - يعني عُتْبَةَ بنَ ربيعة - وتبعه ابنه وأخوه فنادى من يبارز ؟ فانتدب له شباب من الأنصار . فقال : من أنتم ؟ فأخبروه فقال : لا حاجة لنا فيكم إنما أردنا بني عتينا ، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : فم يا حمزة ، فم يا عليّ ، فم يا عُتْبَةَ بنَ الحارث . فأقبل حمزة إلى عُتْبَةَ ، وأقبلت إلى شبيبة ، واختلفت بين عُتْبَةَ والوليد ضربتان فأثخن كل واحد منهما صاحبه ، ثم ملنا على الوليد فقتلناه ، واحتملنا عُتْبَةَ

Maksudnya: Rasulullah SAW bersabda: *Daripada 'Ali berkata:(Pada perang Badar) Utbah ibn Rabi'ah maju ke hadapan diikuti oleh anaknya dan saudara lelakinya dan berseru: Siapakah yang akan terlibat dalam pertempuran tunggal? Beberapa pemuda dari kaum Ansar menyahut panggilanannya. Dia bertanya: Siapakah kamu? Mereka memberitahunya. Dia berkata: Kami tidak mahu kamu; kami, sebenarnya, mahukan sepupu kami sahaja. Nabi ﷺ bersabda: Bangunlah Hamzah bangu Ali; bangunlah Ubaydah ibn al-Harith. Hamzah maju ke Utbah, aku maju ke Syaibah; dan selepas dua pukulan telah bertukar antara Ubaydah dan al-Walid, mereka mencederakan satu sama*

memasuki usia baligh tentang apa yang mereka mesti lakukan dan bagaimana meraihnya seperti pesan Rasulullah SAW kepada ‘Abdullāh bin ‘Umar yang masih berusia belasan tahun dan baru memasuki usia baligh.³

Oleh itu, bagi seseorang remaja, fasa kehidupan mereka penuh dengan pelbagai cabaran dan tekanan jiwa yang bergelora. Semenjak waktu kanak-kanak, remaja diberi pendedahan mengenai solat seawal umur 7 tahun dan memasuki 10 tahun hukuman berupa pukulan diizinkan sekiranya meninggalkan ibadah tersebut serta tempoh tersebut dipisahkan tempat tidur daripada ibu bapa mereka.⁴

عن عمرو بن شُعَيْبٍ عن أَبِيهِ عن جَدِّهِ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاصْرِبْهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ،
وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ.

Maksudnya: Daripada ‘Amru bin Syu‘aib, daripada bapanya, daripada datuknya berkata, sabda Rasulullah SAW: *“Perintahlah anak-anakmu mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka jika meninggalkannya ketika berumur sepuluh tahun serta pisahkan tempat tidur mereka.”*⁵

Memetik kajian Khairani Zakariya bahawa peringkat perkembangan remaja adalah sesuatu yang unik dan Islam mempunyai pandangan khusus berkaitan had

lain dengan teruk; maka kami menentang al-Walid dan membunuhnya, dan kami membawa Ubaidah pergi.- Riwayat Ālī bin Abī Ṭalīb, perawi al-Albāni, dari Sāhiḥ Abī Dāūd, No. 2665. Hadith sahih.

³ Umar Muhammad Noor. 2014. *Ikon Syabab*. Damansara: Telaga Biru Sdn.Bhd. h.xiii-27

⁴ Sunan Abi Daud. Imam Nawawi hadith ini hasan diriwayatkan Abu Daud dengan sanad hasan/ (Kitab Solat bab Suruhan anak untuk solat/Hadith no. 495

⁵ ‘Aun al-Ma‘bud Syarh Sunan Abi Daud, Sidqi Muhammad Jamil al-‘Attar, Darul Fikr, Bab *Mata Yukmaru al-Ghulam bi al-Salah*, Jld. 2 hlmln 123.- Riwayat datuk ‘Amrū bin Syu‘aib, perawi al-Zarqāni, kitab al-Mukhtaṣar al-Maqāṣid,no.934, status hadith: Hasan

umur remaja⁶ dan ia juga disifatkan oleh Ibn Rejāb al-Ḥambali sebagai salah satu dari cabang kegilaan dengan kata-katanya:

فَإِنَّ الشَّبَابَ شُعْبَةٌ مِنَ الْجُنُونِ، وَهُوَ دَاعٍ لِلنَّفْسِ إِلَى اسْتِيفَاءِ الْعَرَضِ مِنْ شَهَوَاتِ
الدُّنْيَا وَلَذَائِهَا الْمَحْظُورَةِ، فَمَنْ سَلِمَ مِنْهُ فَقَدْ سَلِمَ

Maksudnya: “*Sesungguhnya masa muda adalah cabang dari kegilaan, kerana masa muda menyeru jiwa untuk memuaskan kehendaknya berupa syahwat dunia kelazatannya yang terlarang. Maka barang siapa yang selamat dari masa mudanya maka sungguh ia telah selamat*”.⁷

Umur muda menjadi masa yang perlu direbut untuk diisi pelbagai aktiviti bermanfaat kerana merekalah yang bakal memimpin negara dan ummah. Sebagaimana hadith Nabi SAW dari Ibnu ‘Abbas r.a, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “*Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara. Masa sihat sebelum sakit. Masa kaya sebelum datangnya masa sempit (miskin). Masa lapang sebelum tiba masa sibuk. Masa mudamu sebelum datang masa tua dan Masa hidup sebelum tiba masa mati.*”⁸

Di samping itu, dapatan Jamilia Mohd Marsin dan rakan-rakan menyatakan bahawa pemahaman terhadap peringkat-peringkat perkembangan anak-anak dapat membantu ibu bapa dan orang dewasa untuk membantu merangsang pertumbuhan

⁶ Khairani Binti Zakariya @ Abd. Hamid. (2013). *Institusi Surau Sekolah Dalam Pembangunan Akhlak Remaja: Suatu Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Berasrama Aliran Agama Di Negeri Kedah Darul Aman*. Tesis P.h.d Universiti Sains Malaysia. h. 92-134

⁷ Fathul Bāri 6/46-47: <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/310066/>

⁸ Riwayat ‘Abdullah bin ‘Abbās. Perawi:al-Albāni. Kitab Saḥiḥ Al-Targhib hadith nombor 3355. Status Hadith: Sahih

anak-anak dan remaja menjadi orang dewasa yang sihat dari segi rohani, akal dan jasmani.⁹

Remaja dan masjid merupakan topik yang diperkatakan oleh banyak pihak dari rakyat biasa hingga kepada pemimpin negara dan termasuklah para penyelidik serta ahli akademik. Golongan muda ini dikatakan kurang menjejakan kaki ke masjid dan menyertai program-program yang disediakan oleh pihak masjid. Namun, menurut kajian Hailan & Rofishah, mereka menjelaskan bahawa masyarakat tidak boleh menuding jari menyalahkan golongan remaja semata-mata atas ketidak hadiran ke masjid untuk solat lima waktu berjemaah serta duduk di dalam majlis-majlis ilmu serta program pengimaran di masjid.¹⁰

Hal ini adalah kerana, satu kajian tahap keaktifan aktiviti dakwah dan jenis aktiviti yang digemari remaja di masjid seluruh Selangor telah dilakukan oleh Saharizah binti Mohamad Salleh dan Abdul Munir bin Ismail. Dapatan kajian tersebut menjelaskan beberapa faktor yang menjadi sebab remaja tidak ke masjid antaranya ialah ahli jawatankuasa masjid kurang menganjurkan program yang digemari remaja dan juga jarang melibatkan mereka dalam pelbagai aktiviti masjid. Oleh itu, pihak pengurusan masjid hendaklah berlapang dada dengan memberi laluan kepada pemuda dan remaja menjadi ahli jawatankuasa masjid sesuai dengan peranan mereka.¹¹

⁹ Jamilia Mohd Marsin, Syed Ahmad Iskandar, Ismail Mustari dan Raja Nafida Raja Shahminan .(2017). Ke arah membangunkan masjid mesra remaja. *e-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017). 4th & 5th December 2017*, Bangi, Selangor, Malaysia. h.64-65

¹⁰ Hailan, S. & Rofishah, R. (2016). Tahap amalan kepemimpinan pengerusi masjid di *Terengganu. Journal of Business and Social Development*, 4(1), h.65-77.

¹¹ Saharizah binti Mohamad Salleh, Abdul Munir bin Ismail. (2018).Tahap Keaktifan Aktiviti Dakwah Remaja Di Masjid-Masjid Negeri Selangor: Satu Tinjauan. *Jurnal Hal Ehwal Islam Dan Warisan Selangor*. Bil.2.No.1 2018, h.1-12

Seterusnya, Asmak Haji Ali dan Cik Hashim Mat Said¹² mengatakan “*kini amat kurang remaja ingin mengunjungi masjid kecuali untuk solat Jumaat sahaja. Semacam ada satu halangan kepada remaja untuk mendekati masjid. Hal ini berlaku kerana mereka menganggap masjid tidak lebih dari tempat untuk beribadat sahaja, tempat untuk golongan dewasa kerana setahu mereka program yang disediakan hanya untuk golongan dewasa dan tiada kaitan dengan remaja.*” Justeru itu, pelbagai langkah yang proaktif perlu dilakukan oleh pentadbir masjid yang terlibat terutama ahli jawatankuasa masjid bagi menarik golongan muda ini kembali ke masjid.

Selain itu, satu kajian menyokong kenyataan di atas oleh Isama-Ae Bin Madiyah Nim,¹³ yang merupakan seorang imam bertugas di Surau Al-Muttaqin, Fasa 3 Seksyen 12 Selatan, Bandar Puncak Alam mendapati seringkali kuliah dan ceramah bulanan di masjid dan surau-surau di sekitar Bandar Puncak Alam, dapatan kehadiran remaja ke masjid dan surau-surau adalah amat sedikit sekali.

Maka, faktor kecenderungan remaja ke masjid amat penting untuk dikaji dan diketengahkan kerana ia merupakan asas yang perlu digunapakai untuk menggalakkan golongan muda ke masjid. Di samping itu, ia akan merencanakan lagi pembangunan insan bagi remaja serta membentuk belia masjid dengan personaliti berilmu, beramal dan bertaqwa yang akhirnya kekuatan ummah akan terbina.

Oleh itu, pelbagai faktor perlu dikenalpasti bagi menggalak dan membolehkan remaja untuk kembali ke masjid. Antaranya yang dikaji ialah faktor keturunan atau keluarga, faktor keceriaan dan kemudahan asas masjid, faktor amalan

¹² Asmak Haji Ali dan Cik Hashim Mat Said. (2008). Peranan Masjid Dalam Masyarakat Hadhari. Kompilasi Artikel Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. h.29-46

¹³ Isama-Ae Bin Madiyah Nim. (2011). *Kecenderungan Remaja Islam Terhadap Program Dakwah Dimasjid Bandar Puncak Alam Kuala Selangor, Selangor*. Skripsi Fakultas Dakwah Dan Ilmu Komunikasi Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.h.4-5

gaya hidup remaja, faktor penghayatan amalan solat, faktor pengaruh rakan sosial dan faktor persepsi mengenai pengimarahannya. Justeru, kajian dan kaedah yang sesuai diperlukan semasa mengenal pasti golongan ini kerana latar belakang individu dan keluarga serta persekitaran yang berbeza.

1.2 Latar Belakang Kajian

Berdasarkan kepada pengenalan di atas golongan remaja merupakan khazanah yang paling bernilai bagi umat Islam dan masjid merupakan tapak semeaian atau kilang untuk mengeluarkan remaja yang beriman dan bertaqwa. Pengkaji menemui pelbagai dapatan dan kenyataan yang menyebabkan kajian ini dilakukan. Memetik kata-kata ulama tersohor dunia Yūsuf al-Qardāwī yang telah menggariskan empat kewajipan remaja muslim pada zaman ini dan mengatakan, “*Sekiranya manusia ingin melihat keadaan umat maka lihatlah remajanya.*”¹⁴

Di samping itu, titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan mengatakan “*adalah dianggarkan oleh perangkaan tahun 2010 turut menunjukkan satu bilion, menyamai 63 peratus umat Islam dan 14 peratus penduduk dunia, berada dalam usia di bawah 30 tahun, generasi yang dirujuk sebagai ‘Generasi M’. Satu bilion remaja Islam ini sedang berada di tapak semeaian. Mereka merupakan komponen terpenting yang akan mencorakkan ummah. Satu bilion remaja Islam ini amat signifikan, faktor penentu yang bakal meletakkan ummah berada di status kemuliaan atau kehinaan. Kemuliaan ummah pada masa hadapan amat bergantung pada kejayaan yang diperolehi oleh generasi Muslim yang berusia*

¹⁴ Fauwaz Fadzil Noor. (2018). *Tajdid Menuju Transformasi-Sunah Tajdid Satu Kebangkitan Ummah*. Damansara: Terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. h.102

30 tahun ke bawah ini.”¹⁵ Oleh itu, topik remaja menjadi perhatian penting dalam titah ucapan bertajuk *Menjunjung Kemuliaan Umat: Sejarah, Wawasan dan Harapan*. Jelasnya, ia memberikan fokus kepada kumpulan sasar terpenting, pewaris yang akan memastikan kesinambungan dan kegemilangan Islam, iaitu golongan remaja.

Institusi masjid pula diberi peranan sebagai wadah pendidikan Islam bagi umat Islam semenjak sekian lama. Ayub Ali menjelaskan bahawa pada zaman kerajaan-kerajaan Islam ramai ulama, sama ada yang dihantar oleh pemerintah atau secara sukarela mengajar di masjid-masjid akan menggunakan masjid sebagai tempat ibadat dan pendidikan Islam.¹⁶ Menurut Maimon Aqsha Lubis pengimaran sesebuah masjid merupakan cabaran yang sangat besar untuk menjadikannya sehati dalam diri golongan belia.¹⁷ Kepentingan pengimaran masjid khususnya dalam aspek pendidikan Islam akan dapat melahirkan pembentukan belia *rabbāni*.

Hal ini ditegaskan oleh Bani Hidayat Mohd Shafie et.al kerana golongan belia sepatutnya banyak menghabiskan masa di masjid yang merupakan tempat di mana iman mereka akan meningkat dan jiwa mereka akan tenang.¹⁸ Selain itu, pembangunan komuniti dapat dilakukan sekaligus dan dapat meningkatkan ukhuwah Islamiah dalam kalangan masyarakat seperti dapatan Mohd Mahzan Awang et.al.¹⁹

¹⁵ Nazrin Muizzuddin Shah Ibn al-Marhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah.(2020).‘Menjulung Kemuliaan Umat: Sejarah, Wawasan Dan Harapan’. Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah. 30 Jamadilakhir 1441 / 24 Februari 2020 (Isnin) Masa: 10.00 Pagi. Tempat: Casuarina@Meru, Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak. h.16

¹⁶ Ayub Ali. (1980). *Crisis in Muslim Education: Dichotomy Of Tradition And Modern Systems. Kertas kerja Seminar Antarabangsa, Pendidikan dan Kebudayaan dalam Dunia Islam*, 22-23 Mac 1980, Dacca, Bangladesh, h.9.

¹⁷ Maimon Aqsha Lubis.(2010). *Peradaban Islam & Tamadun Dunia*. Bangi:Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹⁸ Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib, Ab. Halim Tamuri & Ahmad Tarmizi Talib.(2011). Masjid Menjana Pembentukan Belia Rabbani. *Malaysian Journal of Youth Studies* Vol 5 Dis 2011, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.h.127

¹⁹ Mohd Mahzan Awang, Sayuti Abd Ghani, Che Pee Saad dan Md Sabri Adnan, (2008) “Surau Sebagai Institusi Sosial Ke Arah Pembangunan Insan: Kajian Kes di Institut Pengajian Tinggi,’ dalam

Di samping itu, masjid mesra remaja perlu diwujudkan bersama sikap peka serta cakna pelbagai pihak dengan kehendak perubahan, peredaran dan kehendak zaman. Kenyataan ini disokong dengan dapatan kajian yang menyatakan bahawa masjid masa kini perlu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dewan beserta kelengkapan media elektronik, siber cafe dan padang permainan dalam usaha menarik golongan belia ke masjid.²⁰ Oleh itu, berdasarkan kenyataan di atas, pengkaji berpendapat bahawa satu keperluan untuk mengetahui faktor mendorong atau penggalak remaja masa kini ke masjid di daerah Kinta Perak.

Perak pula merupakan sebuah negeri di Malaysia yang mempunyai saiz penduduk aktif yang tinggi dan ini merupakan potensi dalam meningkatkan tahap ekonomi dan pelbagai sektor di Negeri Perak. Menurut laporan kajian Rancangan Struktur Negeri (RSN) Perak 2040 (Kajian Semula) 2016²¹, jumlah penduduk mengikut kohort umur bagi tahun 2010 dan 2015 telah dinyatakan dengan terperinci. Pada tahun 2010, jumlah penduduk berumur antara 15-64 tahun secara bergabung mewakili 65.6% dan meningkat kepada 67.2% pada tahun 2015. Jumlah penduduk dalam kohort 25-29 tahun bertambah pada kadar tertinggi iaitu 5.9%, 20-24 tahun 3.0% dan 30-34 tahun 2% setahun. Pada tahun 2010, jumlah penduduk Melayu Negeri Perak adalah 52.6% daripada jumlah penduduk dan meningkat kepada 53% pada tahun 2015.

Zamri Mahamood , 2008, *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke 6*, Sarawak: Biro Perkhidmatan Pendidikan, Majlis Islam Sarawak, h. 91-99.

²⁰ Suhaila Abdullah, Mohd Nizam Sahad, Jasni Sulong & Mohd Farid Mohd Sharif.(2008). Peranan Masjid Negara dalam Membangunkan Modal Insan Remaja Lestari. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-6*, hlm 177-183.

²¹ Laporan Kerajaan Perak (Penemuan utama 2.0). (2016). Terbitan Kerajaan Negeri Perak. *Kajian Rancangan Struktur Negeri (RSN) Perak 2040 (Kajian Semula)*, 2016. h.2-20-24

Manakala, daerah Kinta dipilih dalam kajian kerana mempunyai jumlah penduduk terbesar sesuai dengan statusnya sebagai daerah paling pesat membangun dan terletaknya Bandaraya Ipoh sebagai ibu negeri di dalam daerah ini. Satu pertiga daripada jumlah penduduk Negeri Perak tertumpu di Daerah Kinta. Jumlah penduduk Daerah Kinta bertambah daripada 649,745 orang pada tahun 2000 kepada 767,794 orang pada tahun 2010 dan dianggarkan mencapai 810,400 orang pada tahun 2015. Oleh itu kajian untuk mengenal pasti corak golongan muda terutama remaja yang suka ke masjid amat menarik untuk dikaji.

Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini bertujuan mengkaji faktor kecenderungan yang sesuai untuk menggalakkan remaja kembali ke masjid di masjid-masjid terpilih di Daerah Kinta yang meliputi daerah Ipoh dan daerah Batu Gajah terletak dalam bandar raya utama negeri Perak yang tidak pernah dilakukan oleh mana-mana penyelidik sebelum ini.

Justeru itu, dapatan kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Mohd Nizam Sahad et.al mendapati kekuatan umat Islam dapat dipacu dan dibina dengan mengembalikan orang muda ke masjid. Ciri-ciri remaja masjid iaitu ciri pertama berilmu, beriman, beramal dan bertakwa, ciri kedua berakhlak mulia dan berbudi bahasa dan ciri ketiga bersemangat dan bermotivasi agama perlu diketengahkan dalam masyarakat agar kecintaan kepada masjid dapat disemai dan menjadikan institusi ini tempat mengeluarkan produk generasi *khair ummah*.²²

Oleh itu, remaja haruslah dipandu dan dipimpin dengan mengembalikan mereka ke institusi suci itu dengan menjadikan masjid sebagai tapak bagi golongan

²² Mohd Nizam Sahad, Suhaila Abdullah, Muhammad Imran Hj Ibrahim, Narimah Samat, Shamsul Rijal Muhammad Sabri. (2019). *Modul Remaja al-Ridzuan*. Terbitan Unit Takmir Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Perak. Kerjasama JAIPk-USM melalui Geran Penyelidikan (304/PHUMANITI/650937/J133) h.1-20

remaja untuk melakukan satu *tajdid* serta anjakan paradigma dalam membuat perubahan dalam kehidupan seharian. Masjid perlu dijadikan destinasi terutamanya untuk merebut kebahagiaan duniawi dan kesejahteraan *ukhrawi* yang kekal abadi dalam diri remaja itu sendiri.

1.3 Penyataan Masalah

Dewasa ini, golongan remaja dilihat kurang ke masjid. Heri Budianto²³ menyatakan bahawa dengan perkembangan kemajuan teknologi yang semakin pesat menyebabkan remaja ke masjid semakin berkurangan sehinggakan golongan ini dilihat tidak memainkan peranan yang sepatutnya dalam mengimarahkan masjid. Perkara ini ditambah dengan organisasi atau biro remaja atau belia tidak berfungsi seperti yang diharapkan dan prestasi dirasa terus menurun serta ada yang tidak bergerak. Namun begitu terdapat sekelompok remaja yang suka datang untuk solat di masjid dan sering menyertai program atau aktiviti yang disediakan oleh masjid. Peranan dan fungsi masjid tidaklah terhad kepada golongan lelaki dewasa sahaja malahan turut memberi ruang kepada golongan wanita, remaja dan kanak-kanak.²⁴

Menurut data SISMIM, Malaysia mempunyai bilangan masjid sebanyak 6,506 buah dan surau 17,203 buah²⁵ mampu memenuhi keperluan masyarakat Islam di Malaysia yang dianggarkan berjumlah 17 juta orang. Walaupun begitu, Malaysia menyaksikan pertambahan jumlah masjid dan surau yang baharu telah berkembang dengan pesatnya tahun demi tahun di negara ini. Data ini jelas menunjukkan bahawa

²³ Heri Budianto.2019. Peran Remaja Islam Masjid Bagi Remaja Di Era Millenial. 38 *Edukasia Multikultura* | Vol. 1, Edisi 1. h.38-48

²⁴ Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man.(2016). *Pemeriksaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari*. Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Melaka. Vol.5, issue 2, h.41

²⁵ SISMIM JAKIM.2021.*Statistik Bilangan Masjid dan Surau di Malaysia* .Data sehingga 11/06/2021: <http://masjid.islam.gov.my/index.php?data=c3RhdGlzdGlrLnBocA==> Dicapai pada 25.4.2021 Jam 11.00 p.m

ruang dan peluang bagi golongan remaja untuk kembali ke masjid melakukan program aktiviti serta solat berjamaah Walaupun kajian Muhamad Faisal Ashaari dan Firdaus Mokhtar yang mendapati fungsi masjid dalam penyasaran golongan muda sepertimana pada zaman kegemilangan Islam jauh untuk dicapai walaupun peningkatan pengurusan dan pengimarahannya berlaku dari semasa ke semasa.²⁶ Menurut kajian Saharizah binti Mohamad Salleh dan Abdul Munir bin Ismail²⁷ mendapati peranan masjid perlu dikembalikan sebagaimana zaman Rasulullah SAW dahulu dengan meningkatkan aktiviti dakwah kepada pemuda dan remaja agar menjadi faktor pendorong golongan ini ke masjid.

Oleh itu, jumlah masjid di seluruh daerah dan mukim negeri Perak sebanyak 614 buah, 16 buah masjid tidak mendirikan Jumaat, Surau Diri Jumaat (SDJ) 61 buah dan surau 2005 buah²⁸ Institusi ini juga telah lama diurus dan diimarah dengan berpandukan akta, enakmen, ordinan negeri-negeri di Malaysia amat memerlukan generasi muda untuk kembali mengimarahkan masjid dan surau di seluruh kampung, bandar, mukim serta daerah. Oleh itu, kajian ini penting untuk mengetahui faktor remaja ke masjid untuk merangka strategi bagi memantapkan jati diri umat Islam khususnya remaja.

Selain itu, pihak pengurusan dan pentadbir masjid hanya melihat pengimarahannya dari satu aspek sahaja iaitu dengan program kuliah, ceramah atau forum semata-mata. Kebanyakan mereka menganggap imarah itu hanyalah dengan memenuhi masjid dengan program keilmuan. Ahli jawatankuasa masjid perlu

²⁶ Muhamad Faisal Ashaari, Firdaus Mokhtar. (2018). *Jurnal Hadhari* 10 (2) (2018) 205-223 ejournals.ukm.my/jhadhari, Bangi: Penerbit UKM. h.205-223

²⁷ Saharizah binti Mohamad Salleh, Abdul Munir bin Ismail. (2018). *Tahap Keaktifan Aktiviti Dakwah Remaja Di Masjid-Masjid Negeri Selangor: Satu Tinjauan*. *Jurnal Hal Ehwal Islam Dan Warisan Selangor*. Bil.2.No.1 2018. h.1-12

²⁸ Data Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Perak. Tarikh: 21 Oktober 2020. t.p

merenung kepada aspek pengisian, keceriaan dan kemudahan asas masjid untuk menarik remaja ke masjid khususnya dan jemaah amnya.

Terdapat masjid mempunyai jadual kuliah agama yang penuh untuk 30 hari dalam sebulan namun tidak menekankan aspek keceriaan dan landskap, kurang mesra pengguna terutama kepada golongan kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU) serta tidak menjaga kebersihan serta penjagaan terutama tandas dan bilik air. Maka masjid sebagai *one stop centre* bagi pembangunan belia dan keperluan masyarakat perlu diwujudkan.²⁹ Justeru, hasil kajian Mohd Afif Yahya³⁰ mencadangkan aktiviti yang dianjurkan oleh masjid ataupun surau tidak hanya berkisar melalui ibadah wajib seperti solat lima waktu semata-mata, ianya perlu dipelbagaikan agar remaja tertarik untuk mendekati dan menyertai program yang dijalankan.

Namun begitu, dapatan kajian oleh Harun bin Mohamad Sabran³¹ mendapati sambutan di kalangan masyarakat setempat masih kurang menggalakkan walaupun pihak pengurusan masjid sentiasa meningkatkan sistem pengurusan aktiviti dakwah untuk menarik minat para jemaah mengimarahkan masjid. Ia terdiri golongan yang sudah berumur, golongan muda dan golongan remaja di mana pelbagai usaha telah dilakukan dan peruntukan kewangan telah disalurkan namun hasilnya masih tidak berubah dan amat mendukacitakan.

²⁹ Yaakob Abdul Rahim.1996.Keupayaan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sebagai Pusat Pembangunan Belia Setempat Dari Pandangan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa. Kertas Projek Master Sains, Pusat Pembangunan dan Pendidikan Lanjutan, UPM,h.1-60

³⁰ Mohd Afif Yahya.2011.Keterlibatan Remaja Dalam Lumba Haram Di Daerah Larut Dan Matang, Perak: Kajian Daripada Perspektif Pembangunan Insan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.h.105-106

³¹ Harun, Mohammad Sabran (2013) *Pengurusan aktiviti dakwah di Masjid Daerah Kerian, Perak : kajian tentang persepsi dan masalah* / Mohammad Sabran Harun. Masters thesis, University of Malaya. h.1-60

Di samping itu, lebih 700 murid atau tujuh peratus daripada kira-kira 11,000 murid Tahun Enam di Melaka tidak boleh mengaji al-Quran. Murid tersebut turut didakwa tidak mendirikan solat.³² Justeru itu, bagi mencari masjid mesra remaja Ruzain Syukur Mansor menimbulkan dua persoalan iaitu Adakah masjid-masjid dan surau-surau komuniti dikunjungi oleh golongan belia dan remaja? dan Apakah faktor-faktor yang menyebabkan golongan ini sedikit meminggirkan diri dari menjadikan surau dan masjid sebagai pusat kegiatan ibadah dan sosial?³³

Selain itu, kajian Muhammad Imran bin Ibrahim et.al dalam mengkaji pembangunan remaja masjid di Daerah Kinta mendapati remaja suka pergi ke masjid amat bergantung kepada pengurusan masjid itu sendiri yang terdiri dari ahli jawatankuasa dan pegawai masjid.³⁴ Justeru, transformasi fizikal masjid yang gah, luas dan cantik tidak cukup untuk menarik ramai jemaah datang mengimarahkannya terutama golongan muda jika pegawai masjid dan ahli jawatankuasa tidak mesra golongan remaja dan kanak-kanak.

Oleh itu, kelemahan kepimpinan, pengurusan dan pengimarahkan masjid telah menjejaskan fungsi sebenar institusi itu termasuk menarik minat golongan remaja kembali memenuhinya. Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz menyatakan pengurusan dan pengimarahkan masjid secara umumnya dikelilingi dengan pelbagai isu dan masalah antaranya kelemahan kepimpinan masjid, masjid hanya tempat beribadah, masjid kurang berfungsi sebagai pusat penyebaran ilmu dan kebudayaan Islam, kurang berfungsi sebagai pusat perpaduan ummah, aktiviti masjid kurang

³² Akhbar atas talian Harian Metro: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/11/517173/lebih-700-murid-tak-boleh-mengaji-al-quran> Sabtu, 12 Jun 2021, 8:56pm

³³ Ruzain Syukur B Mansor, Mohamad Azmi Che Musa (2010) Tips Urus Kelab Remaja Masjid. Terbitan JIM Media. h.1-216.

³⁴ Muhammad Imran Ibrahim, Mohd Nizam Sahad & Suhaila Abdullah. (2020). Pembangunan Remaja Masjid Masa Kini: Satu Tinjauandi Masjid Daerah Kinta, Perak . *Jurnal Bitara*, Volume 3, Issue 3, 2020: 168-183.

mendapat sambutan masyarakat, pegawai masjid tidak mampu menjadi tempat rujukan masyarakat dan masjid kurang mesra Jemaah.³⁵

Terdapat masjid kurang mesra remaja dengan mempunyai tabung kewangan yang mewah, pegawai masjid dan ahli jawatankuasa yang ramai namun kurang akitviti pengimarahannya dan sunyi sepi dari kunjungan jemaah. Menyokong kenyataan ini kajian Mohd Yahya Mohd Hussin et.al ke atas 331 buah masjid di seluruh negeri Perak mendapati bahawa institusi masjid sebenarnya gemar menyimpan beku tunai yang dimiliki berbanding untuk mengembangkan dana masjid itu sendiri.³⁶

Pegawai masjid terutamanya imam tidak mengetahui masalah generasi muda dan kurang menjadikan mereka mudah dan senang didekati oleh golongan itu. Ahli jawatankuasa masjid perlu memainkan peranan dalam menyantuni kelompok ini. Namun begitu, mantan Perdana Menteri Malaysia Kelima Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapannya di Multaqa Imam-imam Seluruh Negara di Masjid Wilayah³⁷ menyatakan penting menjadikan masjid sebagai tempat kunjungan golongan remaja: *“Institusi masjid perlu sentiasa diimarahkan dan dijadikan tempat yang selesa serta menarik minat untuk dikunjungi semua anggota masyarakat, termasuk generasi muda. Masjid bukan hanya menjadi tempat untuk mengerjakan ibadat, sebaliknya juga menganjurkan pelbagai kegiatan lain dan pada masa yang sama menjaga kesuciannya. Masjid menjadi tempat ketenteraman kepada semua*

³⁵ Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz.2008. Kertas Kerja dibentangkan oleh Ketua Pengarah JAKIM dalam Multaqa Imam-Imam Masjid Seluruh Negara Bersama Y.A.B Perdana Menteri Malaysia di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 15 April 2008/ 8 RabiulAkhir 1429H

³⁶ Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin, Syed Ismail Syed Mohamad.(2012). *Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak*. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Ipoh, Perak, 4 – 6 Jun 2012

³⁷Buletin Suara Masjid, (2008). Bil.54 Tahun 7. Terbitan Bahagian Keluarga, Sosial dan Masjid, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) h.2-3

yang mengunjungnya dan tumpuan semua peringkat umur, bukan hanya kepada orang-orang tua sahaja.”

Berikut merupakan kes-kes melibatkan pegawai atau ahli jawatankuasa masjid kurang mesra remaja untuk diberikan semangat baharu dalam mengharmonikan persepsi dan kecenderungan golongan muda ke masjid.

Jadual 1.1 Contoh Kes Masjid Kurang Mesra Remaja

Tarikh	Lokasi	Kejadian
6 Februari 2017	Masjid	Amuk dalam masjid, remaja 17 tahun memukul lelaki tengah solat. Menurut abang kepada remaja terbabit, kejadian tersebut berpunca kerana lelaki berjubah itu ada ‘mengata belakang’ tentang ibu bapa mereka dan turut menabur fitnah terhadap keluarganya. ³⁸
2017	Masjid	Masyarakat mempersoal tindakan “tok pengerusi” surau yang sering mengusir kanak-kanak ke saf belakang tanpa bertanya sama ada mereka sudah berkhatan atau belum. ³⁹ Ibunya menyatakan surat ini pada tahun 2017 dan tular semula.
5 Disember 2019	Masjid	Pemilik twitter melalui ciapan menyatakan pengalaman semasa zaman kanak-kanaknya berhadapan dengan ajk masjid, " <i>Sesungguhnya saya berpihak kat budak tu, saya pun pernah kena halau macam itu masa kecil.</i> " ⁴⁰
12 April 2017	Masjid Hospital Besar Kuala Lumpur	Diherdik oleh petugas masjid kerana tak bertudung di masjid: ' <i>Menegur bukan lesen jadi kurang ajar</i> ' ⁴¹
8 Julai 2009	Masjid	Masjid pasang papan tanda: Peringatan. Kanak-kanak umur 5 tahun ke bawah atau belum mumayyiz tidak dibenarkan masuk ke dalam masjid. ⁴²

³⁸ Laman akhbar atas talian My News Hub: <https://www.mynewshub.tv/utama-sensasi/amuk-dalam-masjid-remaja-pukul-lelaki-tengah-solat/> dicapai 4/12/2020 jam 7.05 a.m

³⁹ Laman akhbar atas talian Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/60607/BERITA/Viral/Saya-dah-bersunat-jangan-halau-dari-saf-pertama> Dicapai 4/12/2020 jam 7.15a.m

⁴⁰ Laman akhbar atas talian MStar: <https://www.mstar.com.my/xpose/addin/2019/12/06/masjid-kanak-kanak> dicapai 4/12/2020 jam 7.10 a.m

⁴¹ Laman akhbar atas talian Astro Awani: <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/diherdik-tak-bertudung-di-masjid-menegur-bukan-lesen-jadi-kurang-ajar-139010> dicapai 4/12/2020 jam 8.45 a.m

⁴² Laman Rasmi Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1154-bayan-linnas-siri-63-masjid-kanak-kanak> Dicapai pada 4/12/2020 jam 9.00 a.m

Jadual 1.1 (Sambungan)

Tarikh	Lokasi	Kejadian
23 Oktober 2013	Masjid	<p>Papan tanda masjid. Ingatan: Kanak-kanak lelaki yang masih belum berkhatan, dilarang dibawa masuk ke dalam saf solat, khusus dalam solat fardhu dan solat Jumaat, dan kanak-kanak yang belum mumayyiz dilarang masuk ke dalam masjid. Lebih teruk lagi ada masjid yang membuat penempatan khas untuk kanak-kanak ketika solat. Mereka dijarak jauhkan dari saf orang dewasa. Kadang kala jauhnya itu pula diselang beberapa saf.</p> <p>Ditulis pula satu papan tanda 'saf kanak-kanak'. Ini semua berpunca dari "khurafat" yang disandar kepada fekah kononnya jika kanak-kanak belum berkhatan bersentuhan dengan orang dewasa maka batallah solat⁴³</p>
10 Jun 2016	Teguran Mufti kepada Pentadbir Masjid	<p>Kenyataan Mufti Wilayah Persekutuan: "Kami juga mengesyorkan agar pihak masjid mengawasi kanak-kanak dengan tatasusila dan akhlak yang baik seperti tidak menengking, tidak memarahi, mengkasari, serta tidak memukul kanak-kanak. Sebaliknya pamerkanlah akhlak yang baik serta tunjuk ajar supaya terjalin binaan kasih sayang di antara ibu bapa, pihak masjid, serta kanak-kanak itu sendiri."⁴⁴</p>
9 Oct 2013	Artikel akhbar	<p>Malangnya, masjid-masjid kita kebanyakannya masih gagal berfungsi sedemikian rupa. Di sudut kerahmatan dan kemasyarakatan umpamanya, banyak masjid kita masih tidak mesra remaja dan kanak-kanak. Golongan ini sentiasa rasa kurang selesa atau bimbang dengan layanan orang-orang masjid kepada mereka.⁴⁵</p>

⁴³ Laman akhbar atas talian Malaysiakini: <https://www.malaysiakini.com/columns/243426> . Dicapai pada 6.12.2020 jam 9.30pm

⁴⁴ Laman Rasmi Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1154-bayan-linnas-siri-63-masjid-kanak-kanak>

⁴⁵ Laman akhbar atas talian Malaysiakini: <https://www.malaysiakini.com/columns/243426> Dicapai pada 6.12.2020 jam 9.30 p.m

Di samping itu, usaha untuk menarik minat golongan muda ke masjid masih tidak dapat dilakukan disebabkan gaya pentadbiran masjid yang tidak mesra remaja dan tidak menitik beratkan program serta aktiviti pembangunan insan juga agama kepada kelompok ini. Perkara ini disokong dengan kajian Ajmain @ Jimaain Safar mengatakan sambutan terhadap aktiviti yang kurang memberangsangkan akibat fungsi masjid kepada masyarakat tidak terserlah. Suasana Konsep 6P dalam pengurusan perlu ditekankan iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan, pengawalan, penilaian dan pembedahan.⁴⁶ Justeru itu, beberapa permasalahan perlu dikaji untuk membaiki kepincangan yang sedang dialami demi menarik minat generasi pelapis masa hadapan umat Islam kembali ke masjid. Faktor kecenderungan dan menarik minat remaja ke masjid perlu dikenal pasti agar masjid diimarahkan kembali oleh golongan muda.

Sementara itu, masjid sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat mempunyai implikasi program dan kriteria reka bentuk yang berbeza-beza. Ini kerana faktor kriteria reka bentuk berkait secara langsung dengan program aktiviti yang dicadangkan.⁴⁷ Bertepatan dengan saranan oleh mantan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Datuk Wan Mohamad Datuk Sheikh Abdul Aziz dalam Multaqa Imam-Imam Seluruh Negara Tahun 2008, mengatakan “*Masjid satu-satunya institusi sosial yang berjaya dalam pendidikan dewasa berbanding institusi lain dan sekarang ini ada keperluan untuk masjid memainkan peranan menyokong*

⁴⁶ Ajmain @ Jimaain Safar.(2008). *Institusi Masjid Dalam Memperkasakan Pembangunan Modal Insan Ajmain*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia 34 – 38, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 Skudai, Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA h.13-25

⁴⁷ Mohamad Tajudin Mohamad Rasdi (1999). Peranan, Kurikulum Dan Reka Bentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia 80990 Skudai Johor Darul Ta'zim h.135

sistem pendidikan untuk anak-anak dan remaja. Namun begitu prasarana di masjid hendaklah kondusif untuk remaja dan wanita.”⁴⁸

Selain itu, setiap unsur di sekeliling manusia sangat berkait rapat antara satu sama lain sebagai pelengkap kehidupan. Berdasarkan kajian, boleh dikatakan faktor gaya hidup seseorang mahasiswa Islam dipengaruhi oleh tahap amalan agamanya.⁴⁹ Oleh sebab remaja merupakan aset dan tulang belakang negara, maka, sangat penting dilakukan untuk mengenalpasti gaya hidup dari sudut pola hidup remaja dan faktor kecenderungan serta hubungkait antara keduanya.⁵⁰

Terdapat ibu bapa kurang memberikan galakan anak-anak mereka untuk solat serta mengimarahkan surau dan masjid tidak akan membantu generasi muda untuk mencintai institusi tersebut. Azizi Yahaya⁵¹ menjelaskan bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dalam memberikan keperluan rohani anak-anak mereka. Sesuai dengan kedudukan rumah sebagai institusi pendidikan pertama, tanggungjawab memberikan pendidikan agama, iman dan akhlak adalah di atas bahu ibu bapa. Dalam hal ini, ibu bapa adalah sekolah pertama bagi anak sebelum melangkah ke sistem pendidikan luar di mana mereka mempelajari asas pembentukan pandangan hidup (akidah) dan sahsiah (keperibadian dan akhlak) daripada ibu bapa. Oleh itu, kisah kehidupan Sultan Muhammad al-Fateh penakluk

⁴⁸ Zulkifli Bin Mohamad al-Bakri. (2015). *Multaqa Imam-imam seluruh negara 2008*. Kit Mudah: Memperkasakan Pengurusan Masjid. Penerbit Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd. h.viii

⁴⁹ Ahmad Johari Bin Hj Sihes, Abdul Rahim Bin Hamdan, Jamaluddin Bin Ramli dan Nor Salis Bte Samingan (2006). Pengaruh Pengetahuan Agama ke Atas Amalan Agama dan Gaya Hidup Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia. In: National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia. h.7

⁵⁰ Faizah Abd Ghani & Thilagawathy Loganathan.(2009). Gaya Hidup Remaja Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Peteri Resort, Pasir Gudang, Johor. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia h.2

⁵¹ Azizi Yahaya, (2017). Keluarga dalam Pembentukan Moral. Muat-turun daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/6035/1/aziziyahmoral.pdf>

Konstantinople semenjak kecil yang banyak dibentuk oleh ibu dan bapanya boleh diambil sebagai panduan.⁵²

Manakala masjid dalam Islam memainkan peranan yang sangat penting untuk pembentukan diri seorang muslim dan juga membina masyarakat Islam. Ia merupakan *madrasah* dan kilang memproses, mendidik serta membentuk teras-teras dan asas-asas keperibadian muslim.⁵³ Berdasarkan hadith Nabi Muhammad SAW satu tatacara ibu bapa mendidik anak mereka untuk solat dijelaskan semenjak kecil. Daripada ‘Amru bin Syu‘aib, daripada bapanya, daripada datuknya berkata, sabda Rasulullah saw: “*Perintahkanlah anak-anakmu mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka jika meninggalkannya ketika berumur sepuluh tahun serta pisahkan tempat tidur mereka.*”⁵⁴

Dalam membicarakan isu masjid dan remaja, perlu diketahui bahawa pada hari ini persepsi sesetengah remaja Islam terhadap fungsi masjid jauh tersasar dari matlamat penubuhan dan tujuan asal pembinaan masjid itu sendiri.⁵⁵ Realiti pada hari ini, menyaksikan kegemilangan dan keunggulan masjid dalam menjana kekuatan ummah semakin pudar lantaran begitu banyak pusat kegiatan masyarakat diwujudkan secara khusus di samping manusia berada dalam kehidupan di zaman siber. Remaja kini lalai disebabkan kelekaan dengan hiburan, kemudahan teknologi maklumat

⁵² Mohammad Qayyum Bin Badaruddin (2017). Didik Anak Cara al-Fateh. Terbitan Casamas Resources Sdn Bhd h.101-121

⁵³ Mohd Murtadza bin Hj. Ahmad. (2006). *Pendidikan Anak Dengan Solat*. Seminar Kebangsaan Menghayati Ajaran Islam: Sembahyang Kewajipan Asasi, Tahun 1427H/2006 M, di Sutera Hall, Center Point Hotel, Bandar Seri Begawan, 22hb Ogos-23hb Ogos 2006, anjuran Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

⁵⁴ *Sunan Abi Daud*. Kitab *al-Solah*. Bab *Mata Yu'maru al-Ghulam Bi al-Solah*. Hadis no.495. Portal rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM: <http://www.islam.gov.my/e-hadith/1295-perintah-solat-ke-atas-anak-anak> . Dicapai 12.30 a.m 17 November 2020

⁵⁵ Nurul Husna Mansor, Nursyazrin Nazee Mudeen, Siti Aishah Abu Bakar, Siti Nor Shuhada Mohamad, Fakhrol Adabi Abdul Kadir dan Mohd Afifuddin bin Mohamad.(2011). Conference: Seminar Pembangunan MasjidAt: Universitas Islam Negeri Ar-Raniry.

seperti internet dan telekomunikasi. Implikasinya menyebabkan remaja gagal untuk datang ke masjid.⁵⁶

Kepesatan teknologi telah banyak memberi impak yang ketara dalam kehidupan kanak-kanak dan golongan remaja pada era ke-21 ini. Teknologi moden terutamanya gajet seperti televisyen, internet, komputer, telefon pintar dan permainan video atas talian telah menjadi sebahagian daripada kehidupan sehingga ia menjadi satu keperluan, bukan lagi satu kemahuan. Sejauh mana masjid dapat menyediakan pengisian dan menyediakan keperluan bagi memenuhi tuntutan keperluan generasi muda masa kini masih lagi dengan purata kanak-kanak telah menghabiskan kira-kira lapan jam sehari menggunakan peralatan teknologi canggih ini.⁵⁷

Selain daripada itu, kemudahan yang berkaitan dengan media baru seperti arked permainan video atas talian dan kafe siber juga menjadi satu entiti yang tersendiri dalam landskap media yang terdapat di negara ini. Bagaimana sebahagian pihak pentadbiran masjid tidak dapat melihat perkara ini amat menyedihkan. Samsudin A.Rahim menjelaskan era globalisasi tidak dapat ditahan oleh manusia dan ia membawa perkembangan baru dalam industri media di abad ke 21. Perkembangan tersebut memantapkan lagi peranan media global sama ada melalui siaran satelit atau rangkaian jaringan komputer. Perkembangan itu sukar untuk pisahkan dengan keperluan dan persekitaran semasa. Masyarakat tidak punyai pilihan lain selain menerimanya dan cuba mendapat manfaat dan juga hindari kesan negatifnya. Di

⁵⁶ Mohamad Sofuan Bin Mohamad Saleh. (2018). Aktiviti In Door Serta Out Door Masjid Dan Remaja Muslim - Isu Dan Cabaran. *E-Book Of Masjid, Zakat And Waqf Management 2018* (IMAF 2018) 4th December 2018, Bangi, Selangor, Malaysia.h.45-46.

⁵⁷ Norhamiza Binti Mohamad Sukri, Humaira Binti Hairudin, Norfarhan Hidayah Binti M. Pajar .(2018). Pengaruh Kecanggihhan Teknologi Dan Kelalaian Ibu Bapa Terhadap Ketagihan Gajet Di Kalangan Kanak- Kanak. Seminar Falsafah Sains & Ketamadunan, Universiti Teknologi Malaysia. Terbitan: Akademi Tamadun Islam (ATI), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). h.42

kalangan generasi muda pula yang dikenali sebagai generasi android, mereka akan lebih menguasai media zamannya. Mereka akan terus meneroki internet sama ada untuk bersembang (*chat-room*), mendengar lagu (mp3), melayari laman-laman web (www) dan sebagainya.⁵⁸

Bertitik tolak daripada itu satu kajian dijalankan oleh Jusah, Nor Suhailah⁵⁹ untuk mengenal pasti pengaruh kafe siber terhadap pembentukan sahsiah remaja masa kini. Enam aspek yang ditinjau adalah dari segi peranan, sumbangan, tinjauan, penerimaan, kebaikan dan keburukan kafe siber. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kafe siber sememangnya mempengaruhi pembentukan sahsiah remaja masa kini kearah kebaikan. Cadangan kajian diberikan bagi memastikan pengaruh kafe siber ini tidak akan memberi kesan negatif terhadap pembentukan sahsiah masa kini.

Manakala pengimarahannya merupakan perkara penting dalam membendung gejala sosial yang melanda golongan remaja. Masjid yang berfungsi sebagai tempat ibadah, tempat pendidikan dan dakwah, serta pelbagai program masjid dapat berperanan membendung gejala sosial.⁶⁰ Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh mereka adalah berpunca dari menjauhi masjid.

Di samping menumpukan kepada pembangunan pengurusan dan pengimarahannya institusi masjid, golongan remaja yang mewakili pelbagai kelompok sebenar masyarakat janganlah diabaikan.

⁵⁸ Samsudin A. Rahim.(2001). *Media Dan Identiti Budaya: Cabaran Media Terhadap Masyarakat Malaysia Di Alaf Ke-21*. Kertaskerja di Sirnposium Kebangsaan Masyarakat Malaysia - Isu dan Cabaran Abad Ke 21. Universiti Malaya. 22-24 Julai 2001 h.1-17

⁵⁹ Jusah, Nor Suhailah (2000) Peranan Kafe Siber Terhadap Pembentukan Sahsiah Remaja Masa Kini. Satu Tinjauan. *Bachelor's thesis*, Universiti Teknologi Malaysia.

⁶⁰ Asmak Ali dan Zulekha Yusoff. (2004). *Masjid dan Peranannya dalam Membendung Gejala Sosial*. Dalam Asmadi Naim dan Mohd Yusnaidi Md Sabri (ed.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid* (pp.325-336), Sintok: Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia.

Justeru, faktor-faktor kecenderungan golongan remaja ke masjid perlu dikenalpasti untuk membina generasi pelapis dan mata rantai ummah. Faktor yang menyebabkan mereka datang ke masjid serta berkaitan program-program masjid kepada golongan remaja di daerah Kinta juga perlu dikenalpasti. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kajian berbentuk soal selidik (kuantitatif) dan temubual (kualitatif) bagi mengenalpasti faktor menarik minat remaja ke masjid dan sekaligus dapat mengetahui faktor mendorong remaja tidak ke masjid supaya langkah dapat dilakukan untuk mengatasinya.

1.4 Objektif Kajian

1. Mengkaji perspektif Islam tentang kelebihan remaja ke masjid.
2. Menenal pasti program-program untuk remaja di masjid Daerah Kinta Perak.
3. Menganalisis faktor kecenderungan remaja ke masjid serta perspektif remaja mengenai pengimaran.
4. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan remaja pergi ke masjid dalam Daerah Kinta Perak.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah perspektif Islam tentang kelebihan remaja ke masjid?
2. Apakah program-program untuk remaja di masjid Daerah Kinta Perak?
3. Adakah terdapat hubungan antara faktor kecenderungan remaja ke masjid dari sudut perspektif mengenai pengimaran?

4. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan remaja pergi ke masjid dalam daerah Kinta Perak.

Jadual 1.2 Objektif dan Persoalan Kajian

	OBJEKTIF KAJIAN	PERSOALAN KAJIAN
01	Mengkaji perspektif Islam tentang kelebihan remaja ke masjid.	Apakah perspektif Islam tentang kelebihan remaja ke masjid?
02	Mengenal pasti program-program untuk remaja di masjid Daerah Kinta Perak.	Apakah program-program untuk remaja di masjid Daerah Kinta Perak?
03	Menganalisis perspektif dan faktor kecenderungan remaja ke masjid.	Adakah terdapat hubungan antara faktor kecenderungan remaja ke masjid dari sudut perspektif mengenai pengimaran?
04	Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan remaja pergi ke masjid dalam Daerah Kinta Perak.	Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan remaja pergi ke masjid dalam daerah Kinta Perak.

1.6 Kepentingan Kajian

Meneliti kepada beberapa penyelidikan yang telah dilakukan, harapan pengkaji agar impak kajian ini memberi nilai dan berharga serta mampu dalam memperkayakan lagi rujukan berkaitan faktor –faktor kecenderungan remaja ke

masjid dengan lebih terancang melalui kajian di daerah Kinta Perak. Oleh itu, kepentingan dan sumbangan utama kajian ini ialah:

a) **Kepentingan kepada Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk):**

Membantu membentuk generasi yang cinta masjid dengan pelbagai bentuk pengisian mengikut perkembangan zaman dan kehendak mereka. Justeru, dalam usaha membangunkan golongan remaja yang suka ke masjid, aspek keilmuan, kefahaman dan penghayatan adalah amat penting. Oleh itu, satu dasar perlu dibuat bagi membina generasi masjid dengan meremajakan masjid merupakan antara ukuran utama terhadap tahap hubungan golongan muda dengan institusi suci itu.

b) **Kepentingan kepada Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk):**

Menjadi pemangkin dalam meningkatkan kefahaman tentang peranan ibu bapa kepada anak mengenai kepentingan solat dan masjid. ia juga dapat menambahkan penghayatan terhadap solat sebagai kayu ukur penting kepada kualiti sesebuah masyarakat atau negara. Masyarakat dikira memiliki kualiti kehidupan yang baik dan progresif, jika anggota masyarakat menghidupkan amalan solat samada secara individu atau jamaah di surau dan masjid. Maka, bagi mencapai status yang terpuji itu, ilmu, kefahaman dan penghayatan mengenai solat di kalangan orang Islam terutama terutama ibu bapa dan golongan remaja amat diperlukan.

c) **Kepentingan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM):**

Mencadangkan dan memberi pandangan berkaitan pendekatan kepada agensi-agensi agama, pendidikan, belia, kerajaan dan bukan kerajaan berkaitan para